

PM berazam jadikan Malaysia negara maju

Um - 24/7/2004: 3 Perdana

LONDON 23 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kemenangan besar Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya lalu dan diikuti kedudukan terbarunya sebagai Presiden UMNO akan membolehkan beliau melonjakkan kejayaan Malaysia pada tahap yang lebih cemerlang.

Menurut Perdana Menteri, banyak lagi agenda pembaharuan dan kemajuan yang perlu beliau gerakkan untuk menjadikan Malaysia negara terbaik untuk rakyatnya dan pada masa yang sama sebagai negara terbaik untuk pelaburan asing.

Abdullah berkata, sebagai Perdana Menteri kelima, beliau akan membawa harapan dan amanah rakyat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti Britain tetapi dengan segala kekuatan tersendiri meliputi nilai dan etika di kalangan rakyatnya.

"Saya akan bekerja keras lagi untuk negara saya bagi meneruskan kejayaan yang telah dibawa oleh pemimpin terdahulu termasuk Tun Dr. Mahathir Mohamad," katanya dalam ucap utama bertajuk 'Cabaran dan Prospek Malaysia Pada Millennium Ini' pada majlis yang dihadiri lebih 400 ahli perniagaan Britain di Hotel Sheraton Park Lane di sini.

Dalam ucap utama itu, Perdana Menteri memberikan perspektif beliau mengenai hala tuju Malaysia sebagai sebuah negara Islam progresif, negara terbaik untuk pelaburan asing dan pendekatan menangani permasalahan sejangkit termasuk ancaman keganasan dan ekonomi.

Abdullah memulakan ucap utamanya dengan memperkenalkan anggota delegasi utama yang turut hadir iaitu Menteri Perdagaa-

ngan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh.

Beliau turut memperkenalkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsuddin Osman.

Ucap utama beliau mendapat respons yang memberangsangkan daripada para hadirin yang dicerminkan semasa sesi dialog dan tepukan bergemuruh selepas ucapannya itu yang kadangkala diselitkan dengan gurauan.

Dirancang

Dewan persidangan itu penuh sesak sehingga ke aras dua. Abdullah sempat bergurau dengan menyatakan bahawa beliau bukan mengadakan persembahan opera sambil disambut ketawa daripada para hadirin.

Uapan dimulakan dengan Abdullah memetik ungkapan Confucius yang bermaksud: "Ramalan selalunya sukar dibuat terutama jika ia melibatkan masa depan."

Beliau kemudian berkata, para hadirin mungkin tertanya-tanya mengapa seorang pemimpin negara Islam seperti beliau memetik ungkapan Confucius.

"Itu menunjukkan betapa liberalnya Malaysia," katanya dengan disambut sorakan daripada para hadirin.

Abdullah seterusnya menggariskan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju sebagaimana yang dirancang menerusi wawasan 2020.

"Jika kita mencapai matlamat itu, Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia akan

meningkat dari RM115 bilion pada tahun 1999 kepada RM920 bilion pada 2020 (pada harga 1990)," katanya.

Katanya, kemiskinan mutlak yang berada pada tahap 16.5 peratus pada 1990 juga akan dapat dihapuskan pada 2020 dengan pendapatan serta pengagihan kekayaan lebih luas.

Malah menurut beliau, kerajaan pimpinannya mahu menghapuskan kemiskinan mutlak lebih awal dari sasaran tersebut. "Kalau boleh dalam tempoh lima tahun sahaja, sebelum pilihan raya umum tiba lagi," katanya dengan nada berseloroh.

Abdullah juga menarik perhatian ahli-ahli perniagaan Britain bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kesinambungan dan konsisten dari segi pentadbiran dan dasar selain menawarkan banyak kelebihan seperti kestabilan, prasarana moden, pelbagai insentif menarik, taraf pendidikan yang tinggi serta penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Perdana Menteri berkata, tumpuan yang perlu diberikan oleh pelabur ialah yang berkaitan dengan perjalanan Malaysia menuju masa depan yang lebih gemilang.

"Kita akan membina ekonomi yang menumpukan kepada nilai tambah dan teknologi tinggi," jelas beliau.

Di hadapan ahli-ahli perniagaan Britain itu, beliau menyatakan keyakinan bahawa Malaysia akan mencapai tahap negara maju menerusi pembaharuan yang sedang digerakkan meliputi semua aspek termasuk kecekapan, memerangi rasuah, ketelusan, tadbir urus cemerlang dan memperkukuhkan integriti. — *Utusan*